

CABARAN IKUT GENERASI

Setiap yang bergelar pensyarah mempunyai cabaran mengikut generasinya. Pensyarah lama yang sering dipanggil ‘otai’ mempunyai banyak pengalaman dan masak dengan cabaran dalam menaikkan sesebuah institusi pengajian tinggi.

Ketua Seksyen Perkhidmatan Klinik Kaunseling, Bahagian Kaunseling, Universiti Putra Malaysia (UPM) Anis Akmilah Mat Hassan berkata, inovasi teknologi perkomputeran sangat pantas sehingga menjadi alat teknologi yang sangat penting dalam dunia pendidikan.

Katanya, hampir setiap laras pengajaran memerlukan penggunaan komputer baik dari bidang bahasa, kemanusiaan, sains dan teknologi serta kesenian.

“Ini menjadikan pensyarah muda lebih mesra pada teknologi berbanding pensyarah lama yang mungkin selesa dengan pendekatan lama.

“Namun begitu, bukanlah mudah bagi pensyarah otai yang sudah untuk mengikut arus

kemudahan yang sedia ada. Kelebihan bagi pensyarah muda yang masih aktif dan berdaya inovasi kerana mempunyai pelbagai alat bantuan mengajar selain pengajaran secara formal di dalam kuliah,” katanya.

Katanya, cabaran yang dihadapi pensyarah otai makin besar dengan wujudnya jurang generasi yang jauh antara pensyarah dan mahasiswa.

Katanya, jurang generasi ini menimbulkan pelbagai isu membabitkan perbezaan nilai, corak pemikiran dan pembudayaan ilmu serta kepercayaan politik.

“Apabila kaedah pengajaran pensyarah otai masih di takuk lama, ia menjadi suatu perkara besar dalam sistem pengajaran kerana mahasiswa perlu mengikut acuan pensyarah berkenaan.

“Berlainan dengan pembawaan pensyarah muda yang seiring dengan perkembangan generasi. Mereka mempunyai lebih banyak kelebihan berbanding pensyarah



ANIS AKMILAH

otai,” katanya.

Katanya, asas pengajaran masih sama namun apa yang membezakan antara pensyarah lama dan muda adalah penerimaan generasi anak didik mereka.

Pensyarah lama perlu berusaha lebih dalam menyiangi arus zaman untuk mengurangkan jurang generasi dengan mahasiswa.

“Dalam dunia pengajaran tiada istilah persaingan antara pensyarah lama maupun muda.

Penentuan siapa hebat antara pensyarah ini bukanlah menjadi ukuran, apa yang membezakan mereka adalah ilmu serta pengalaman yang dimiliki.

“Masih ramai mahasiswa menjadikan pensyarah lama sebagai pensyarah kegemaran mereka atas dasar ketinggian ilmu dan pengalaman berharganya.

“Bagaimanapun barisan pensyarah muda juga



HUBUNGAN pensyarah dan penuntut perlu bagi memastikan pengajaran berterusan.

mempunyai peminatnya tersendiri melalui media sosial,” katanya.

Perkara ini berlaku apabila pensyarah muda bersedia untuk berkongsi ilmu serta pengalaman melalui media sosial yang menjadi trend generasi sekarang.

Justeru katanya, mahalnya seorang pendidik bukanlah dinilai pada siapa dirinya tetapi ilmu dan pengalamannya.